

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(29)

Tarikh: 27 Mac 2021

## KENYATAAN MEDIA

### Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) Meningkatkan Kesedaran Amalan Hijau Melalui Penyedut Biodegradasi

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengambil langkah ke arah Pulau Pinang yang lebih hijau dengan menggalakkan penggunaan penyedut minuman biodegradasi sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran amalan hijau.

Selari dengan visi Malaysia ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna menjelang 2030, kempen ini bertujuan untuk menggalakkan pengusaha minuman dan restoran di Bukit Bendera untuk menghentikan penggunaan plastik sekali guna dan memilih produk yang dibiodegradasi seperti penyedut minuman yang boleh dimakan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Phee Boon Poh dan Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok Lay Leng. Kempen ini turut disokong oleh Penang Green Council (PGC).

"Sisa plastik menjadi isu global yang akan berlaku dan lebih banyak negara cuba menghentikan penggunaannya secara meluas, terutamanya plastik sekali guna. Dianggarkan sekitar 79% sisa plastik kini diletakkan di tapak pelupusan sampah, longgokan sampah atau di persekitaran dan hanya kira-kira 9% telah dikitar semula di seluruh dunia. Rakyat Malaysia menggunakan sejumlah kira-kira 31 juta penyedut minuman plastik setiap hari. Selama bertahun, kerajaan negeri Pulau Pinang telah melancarkan beberapa inisiatif bagi menggalakkan orang ramai memilih alternatif yang mesra alam," kata YB Phee, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang memperkenalkan kempen Tanpa Beg Plastik Percuma pada tahun 2009 dan pengharaman polisterin pada tahun 2012. Kearah mencapai visi kerajaan negeri Penang2030 dimana Pulau Pinang berubah menjadi negeri yang berfokuskan keluarga, 'hijau dan pintar', PBBPP secara langsung akan melibatkan pihak berkepentingan dengan lebih kerap bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan peniaga dan pengunjung untuk mencari alternatif mesra alam yang lebih baik dan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti penyedut minuman, botol plastik dan bungkusan plastik di Bukit Bendera.

"Di PBBPP, kami memahami dan melihat pentingnya mengurangkan sisa plastik kerana akan memberikan kesan terhadap persekitaran bukit dan hidup sekitarnya. Oleh itu, kami merasa perlunya menggalakkan pengunjung dan para peniaga dari mengenakan penyedut minuman plastik dengan minuman yang dijual serta memilih penyedut minuman yang boleh dimakan merupakan cara terbaik dalam usaha kami untuk memelihara dan memulihara Bukit Bendera," kata Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok.

"Terdapat pelbagai pilihan biodegradasi di pasaran dan PBBPP telah mengenalpasti pilihan terbaik yang bersesuaian dengan persekitaran di bukit ini. Penyedut beras yang dihasilkan oleh Nlytech Biotech Sdn Bhd misalnya, diperbuat daripada bahan-bahan semulajadi yang boleh dimakan sepenuhnya oleh manusia dan hidupan liar. Penyedut beras ini dibiodegradasi dan memakan masa kurang dari 90 hari untuk terurai apabila dilupuskan," katanya lagi.

Berkuatkuasa pada 1 Mac 2021, semua pengusaha makanan dan minuman di Bukit Bendera telah menghentikan penggunaan penyedut minuman plastik sekali guna bagi menyokong kempen kesedaran amalan hijau PBBPP dan pengguna boleh memilih untuk membeli penyedut minuman yang boleh dimakan pada harga RM0.20 sekeping. Kempen ini diharapkan dapat mengurangkan sisa plastik dengan ketara di Bukit Bendera.

"Kami menggesa semua pengunjung untuk turut menyokong inisiatif ini dan memilih produk yang mesra alam ketika mereka menjamu selera di Bukit Bendera. Walaupun penyedut minuman yang boleh dimakan mungkin berharga 20 sen lebih mahal, namun kesannya terhadap alam sekitar dan hidupan liar adalah lebih bernilai," tambah Dato' Cheek.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 211 atau e-mel kepada [cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my)

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah

Ahmad Aizat Bin Khalid

Lee Shew Yean

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

[cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my) [aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my) [sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)